

**GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN DISIPLIN MURID
SEKOLAH RENDAH DI WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**



MUHAMMAD ROSLI BIN YUSOFF

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2014

**GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN DISIPLIN
MURID SEKOLAH RENDAH DI WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

MUHAMMAD ROSLI BIN YUSOFF



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

**JUDUL : GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN DISIPLIN MURID SEKOLAH RENDAH
DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : MUHAMMAD ROSLI BIN YUSOFF

SESI PENGAJIAN : 2013/2014

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

/

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(**MUHAMMAD ROSLI BIN YUSOFF**)

Alamat Tetap : SEK. KEB. SUNGAI BEDAUN
PETI SURAT 81483,
87024, W. P. LABUAN.

Tarikh : 4 OGOS 2014

(**DR. ROSY TALIN**)

Tarikh : 4 OGOS 2014

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

4 OGOS 2014




MUHAMMAD ROSLI BIN YUSOFF
MT 1212434 T

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia serta hidayah dari-Nya maka dapat saya menyiapkan laporan kajian ini dengan jayanya. Sesungguhnya usaha ini tidak akan berjaya tanpa bantuan, bimbingan dan sokongan daripada semua pihak. Begitu juga kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak dalam memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan jayanya.

Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Rosy Talin di atas segala tunjuk ajar, teguran dan bimbingan yang diberikan sepanjang menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah di Fakulti Psikologi Dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang 2 tahun pengajian sehinggalah terhasilnya penulisan laporan ini dengan jayanya. Sepanjang tempoh tersebut pelbagai cabaran dan dugaan telah sama-sama ditempuhi dan begitu juga pelbagai kenangan pahit manis yang terakam bersama-sama. Disamping itu juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga pengurusan di Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah sama ada di W.P. Labuan mahupun di Kota Kinabalu, Sabah atas kerjasama yang diberikan dalam melancarkan pengajian dan kajian yang telah dijalankan.

Sekali lagi saya panjatkan rasa kesyukuran saya kepada Ilahi kerana dipertemukan saya dengan sahabat yang sentiasa menyokong dan mencabar diri ini untuk maju selangkah ke hadapan dalam meneroka ilmu pengetahuan yang sesungguhnya begitu luas dan berterusan. Kata-kata semangat dan perangsang yang tidak jemu-jemu diberikan oleh rakan-rakan serta pengorbanan masa dan tenaga amat saya hargai terutamanya rakan-rakan seperjuangan dalam dunia pendidikan.

Begitu juga setinggi penghargaan dan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga saya yang tidak jemu-jemu memberikan kata perangsang dan mendoakan kejayaan saya sepanjang tempoh pengajian sehinggalah terhasilnya penulisan ini. Jadikanlah ini sebagai satu perangsang dan dorongan untuk sama-sama berusaha meneroka ilmu pengetahuan serta mengangkat martabat diri melalui pendidikan dan ilmu pengetahuan yang berterusan. Semoga segala usaha dan apa yang dilakukan ini dapat memberikan manafaat kepada semua pihak. Hanya Allah S.W.T sahaja yang membalas segala budi baik semua.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti jenis gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa murid berdasarkan empat jenis gaya asuhan yang dalam membentuk tingkah laku anak-anak yang berakhlak mulia. Selain itu juga, kajian menumpukan kepada hubungan diantara empat jenis gaya asuhan ibu bapa dengan masalah disiplin murid di sekolah rendah yang merupakan isu utama dalam dunia pendidikan pada masa kini. Didikan oleh ibu bapa di rumah dilihat sebagai satu faktor yang mendorong kepada tingkah laku negatif dan masalah disiplin di sekolah. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti pola gaya asuhan ibu bapa yang paling banyak diamalkan oleh ibu bapa murid serta mengkaji sama ada terdapat hubungan di antara empat gaya asuhan ibu bapa dengan masalah disiplin murid. Seramai 118 orang responden telah terlibat dalam kajian ini yang dijalankan di 3 buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian dijalankan menggunakan borang kaji selidik yang mengandungi 46 item menggunakan skala likert lima. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 21.0 dan dapatan dilaporkan dalam bentuk deskriptif (min) dan inferensi (korelasi). Data yang diperolehi diuji menggunakan "*Alpha Cronbach*".



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This research was conducted in order to identify the types of parenting style which is practised by the parents in order to shape children's well-rounded behaviour. Besides that, this investigation also focusing on the relationship between four parenting types and the disciplines issues in primary school, which is the main concern in the education world today. Parent's way of educating their children at home is seen as one of the factors that lead to the children's negative behaviour and discipline issues at the school. The objective of this investigation is to identify either there is relationship between the types of parenting style with the discipline problems in primary school student or not. 118 respondents had participated in this research and this investigation was conducted in 3 primary schools in Wilayah Persekutuan Labuan. The instrument for this research was a questionnaire adapted from 46 items of five "Likert Scale". The data was analysed using the 21.0 Version of Statistical Package for Social Science (SPSS) software and the result was tabulated in the form of descriptive (Mean) and inference (correlation). The data was tested using the "Alpha Cronbach"



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

PERKARA

HALAMAN

STATUS PENGESAHAN TESIS	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	13
1.8.1	Pengurusan Sekolah	13
1.8.2	Ibu Bapa	14
1.8.3	Guru	14
1.9	Batasan Kajian	15

1.10	Definisi Operasional	15
1.10.1	Gaya Asuhan Ibu Bapa	15
1.10.2	Disiplin	20
1.10.3	Murid	21
1.11	Kerangka Konseptuan Kajian	23
1.12	Kesimpulan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Literatur Berkaitan	26
2.2.1	Konsep Hubungan Keibubapaan	26
2.2.1.1	Gaya Asuhan	28
2.2.1.2	Konsep Masalah Disiplin Dan Tingkah Laku	31
2.2.2	Teori Tingkah Laku	34
2.2.2.1	Teori Pelaziman Klasik	35
2.2.2.2	Teori Perkembangan Kognitif	36
2.2.2.3	Teori Pembelajaran Sosial	36
2.2.2.4	Teori Kekecewaan – Agresif	37
2.2.2.5	Teori Ajukan Sosial	38
2.2.2.6	Teori Psikoanalisis	39
2.2.2.7	Teori Pemusatan Klien	40
2.2.2.8	Teori Fungsionalisme	40
2.2.2.9	Teori Behaviorisme	41
2.2.3	Model Gaya Asuhan Baumrind	41
2.3	Kajian Lepas	43

2.3.1	Dapatan Kajian Lepas	43
2.4	Kesimpulan	49

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Rekabentuk Kajian	50
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	51
3.4	Lokasi Kajian	52
3.5	Instrumen Kajian	52
3.5.1	Borang Soal Selidik	53
3.5.2	Penilaian Instrumen	57
3.5.2.1	Kaedah Deskriptif	57
3.5.2.2	Kaedah Inferensi	58
3.5.3	Rumusan Analisis Data	59
3.6	Kajian Rintis	60
3.7	Pembolehubah Kajian	60
3.7.1	Pembolehubah Bersandar	60
3.7.2	Pembolehubah Bebas	60
3.8	Kesimpulan	61

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	62
4.2	Profil Responden	63
4.3	Analisis Deskriptif	64
4.4	Analisis Inferensi	70

4.4.1 Analisis Korelasi Pearson	70
4.5 Kesimpulan	74
BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	75
5.2 Ringkasan Kajian	75
5.3 Perbincangan Dan Kesimpulan	76
5.3.1 Apakah Pola Gaya Asuhan Ibu Bapa Dalam Kalangan Murid Bermasalah Disiplin	76
5.3.2 Apakah Skor Min Gaya Asuhan Ibu Bapa Autokratik, Demokratik, Permisif Negligen, Permisif Indulgen	77
5.3.3 Apakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Di Antara Gaya Asuhan Demokratik, Autokratik, Permisif Negligen Dan Permisif Indulgen	82
5.4 Implikasi Kajian	92
5.4.1 Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Ideal Dapat Membentuk Tingkah Laku Yang Positif	93
5.4.2 Pemilihan Gaya Asuhan Yang Betul Dapat Mengurangkan Konflik Ibu Bapa Dan Anak-Anak	96
5.4.3 Asas Pembentukan Disiplin Bermula Dari Rumah	97
5.4.4 Kerjasama Ibu Bapa Dan Guru Adalah Penting Dalam Memahami Tingkah Laku Murid	99
5.5 Cadangan Kajian Lanjut	101
5.6 Penutup	103
BIBLIOGRAFI	104
LAMPIRAN 1 : Borang Soal Selidik	110
LAMPIRAN 2 : Analisis SPSS	115
LAMPIRAN 3 : Analisis Kajian Rintis	120
LAMPIRAN 4 : Analisis Kajian Sebenar	122

Jadual Penentu Populasi Dan Sampel Kajian (Krejcie & Morgan)

Surat Kelulusan Menjalankan Kajian EPRD



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	HALAMAN
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	23
2.1	Model Teori Kekecewaan –Agresif	38



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	HALAMAN
3.1	Konstruk Item Soal Selidik	53
3.2	Jantina Resonden	54
3.3	Pencapaian Akademik Ibu Bapa	55
3.4	Pekerjaan Ibu Bapa	55
3.5	Pendapatan Ibu Bapa	56
3.6	Petunjuk taraf Ekonomi	56
3.7	Skala Pemeringkatan Item Bagi Borang Soal Selidik	57
3.8	Tahap Analisis Min Dan Skala Tafsiran Bagi Borang Soal Selidik	58
3.9	Kekuatan Nilai Pekali Kolerasi	59
3.10	Jadual Ringkas Kaedah Analisis Data	59
4.10	Analisis Responden Mengikut Jantina	63
4.11	Taburan Min Gaya Asuhan Autokratik	64
4.12	Taburan Min Gaya Asuhan Demokratik	65
4.13	Taburan Min Gaya Asuhan Permisif Indulgen	66
4.14	Taburan Min Gaya Asuhan Permisif Negligen	67
4.15	Taburan Min Masalah Disiplin Murid	68
4.16	Pola Gaya Asuhan Ibu Bapa	69
4.17	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Demokratik Dengan Masalah Disiplin Murid	70
4.18	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Autokratik Dengan Masalah Disiplin Murid	71
4.19	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Permisif Negligen Dengan Masalah Disiplin Murid	72
4.20	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Permisif Indulgen Dengan Masalah Disiplin Murid	73

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

SPSS	Statistical Package For The Social Study
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBI	Parental Behavior Inventory
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sahsiah
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PIBG	Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
SP	Sisihan Piawai



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ibu bapa merupakan agen utama dalam membentuk jati diri anak-anak. Didikan yang sempurna akan membawa kepada pembentukan sahsiah yang unggul serta mampu untuk menangkis segala anasir negatif yang berada di sekeliling mereka. Ibu bapa juga merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mendidik, mengasuh, serta membimbing anak-anak untuk mejadi pewaris kepada generasi akan datang. Jesteru itu ibu bapa perlu bersedia dengan pengetahuan untuk menjadi individu yang boleh dirujuk dan contoh kepada anak-anak. Oleh itu, dalam bahagian ini akan menjelaskan tentang kajian yang dijalankan dari segi latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, batasan kajian dan definisi istilah. Dalam bab ini akan dijelaskan secara terperinci tentang objektif dan persoalan kajian serta hipotesis – hipotesis kajian yang dibina untuk mencapai tujuan kajian ini. Selain itu juga dalam bab ini juga akan dijelaskan tentang definisi istilah penting yang digunakan untuk menerangkan sesuatu perkara dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam mendidik anak-anak ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan perkembangan mereka berlaku dengan baik. Didikan ini dilihat melalui corak atau gaya asuhan yang digunakan ke atas anak-anak. Amanah mendidik anak-anak merupakan sesuatu yang wajib dilaksanakan oleh ibu bapa sejajar dengan tuntutan agama dan lumrah sosial manusia yang hidup berpasangan dan berkeluarga. Ibu bapa merupakan agen pencorak tingkahlaku dan masa depan

anak-anak kerana ibu bapa merupakan individu yang paling rapat dengan anak-anak. Sejak dari awal usia lagi anak-anak telah diberikan kasih sayang dan didikan bagi membentuk peribadi serta tingkah laku yang positif.

Sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk membesarkan anak-anak dan memberikan didikan yang terbaik bagi menjamin masa depan mereka yang cerah. Tugas ibu bapa bukan itu sahaja sebaliknya tanggungjawab dan amanah yang dipikul adalah berat seperti mengasuh, mendidik dan memberikan segala hak dan peluang kepada anak-anak supaya mereka berfungsi sebagaimana yang diharapkan oleh ibu bapa. Hal ini penting kerana perkembangan anak-anak sangat dititik beratkan bagi memastikan apa yang dipelajari dapat diadaptasi dalam kehidupan seharian. Pembelajaran ini merupakan pembelajaran sepanjang hayat dan tidak hanya berhenti pada masa awal kanak-kanak sahaja sebaliknya berterusan sehingga dewasa.

Keluarga terbentuk daripada perkahwinan atau penyatuan antara lelaki dan perempuan. Melalui perkahwinan perkembangan keluarga berlaku dengan kehadiran anak-anak yang menjadi penyeri kepada ibu bapa. George Peter Murdock dalam Goode (1982), mendefinisikan keluarga sebagai satu kelompok sosial yang tinggal di bawah satu bumbung, mempunyai kerjasama dalam melaksanakan kegiatan ekonomi dan menambahkan zuriat. Oleh itu, berdasarkan definisi yang diutarakan oleh Murdock tersebut dapat disimpulkan bahawa institusi keluarga merupakan asas kepada pembentukan masyarakat dan perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, ibu bapa sebagai agen utama sosialis perlu bersedia dengan pelbagai ilmu pengetahuan bagi memastikan keutuhan institusi kekeluargaan dapat dikekalkan dan pembentukan sahsiah anak-anak dapat dipelihara dengan baik agar tidak terpesong dari landasan dan matlamat sebenar yang telah ditetapkan.

Pendidikan sebenarnya merupakan satu agen yang sangat proaktif dalam merubah individu kanak-kanak sama ada ke arah kebaikan atau keburukan. Sekiranya ilmu yang diperolehi adalah positif maka kanak-kanak boleh berubah menjadi insan yang lebih baik dan sekiranya berlaku sebaliknya maka ia akan merubah masa depan kanak-kanak ke arah kehidupan serta tingkah laku yang negatif seperti terlibat dalam jenayah, ponteng sekolah, dan terlibat dengan gejala yang tidak sihat. Apa yang penting di sini adalah ibu bapa perlu memainkan peranan yang proaktif dalam mendidik anak-anak. Azrina Sobian (2007) menyatakan bahawa, kanak-kanak tidak mempunyai kemampuan untuk menjangkakan akibat atau kesan sesuatu perkara yang berlaku ke atas diri mereka dan mereka juga tidak dapat membezakan sama ada sesuatu perkara itu bermanfaat kepada mereka ataupun tidak. Oleh itu, berdasarkan pernyataan tersebut jelas bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting bagi memandu dan membantu mereka untuk membuat keputusan yang terbaik untuk diri mereka.

Jika diteliti pada hari ini masalah keruntuhan akhlak dan moral bukan sahaja berlaku pada golongan remaja tetapi juga mula menular dalam kalangan kanak-kanak terutamanya murid di sekolah rendah yang dilihat semakin meningkat saban hari dan ini memberikan tamparan yang besar terhadap ibu bapa dalam mendidik anak-anak (Maizatul Akmal, 2007). Kaplan (1975) pula menyatakan bahawa keluarga yang kurang harmonis dan lemah interaksi antara ibu bapa dan anak-anak turut menyumbang kepada masalah lepak dan budaya ponteng. Sekiranya institusi kekeluargaan itu lemah maka anak-anak tidak mempunyai tempat untuk mengadu dan akhirnya akan menyebabkan berlakunya masalah sosial seperti jenayah, vandalisme dan juga budaya merokok serta ponteng sekolah. Kesemua ini dilihat sebagai salah satu cara bagi mereka untuk melepaskan tekanan serta meluahkan perasaan mereka yang tidak dapat dikongsi dengan ibu bapa.

Umum sedia tahu bahawa unit keluarga didapati pada semua masyarakat dan kanak-kanak serta remaja merupakan produk daripada persekitaran keluarga iaitu sumber primer dan proses sosialisasi. Oleh itu, semua tingkahlaku negatif

serta delinkuen dan juga yang bertentangan dalam nilai sosial dan moral wujud hasil daripada sistem yang digunakan oleh sebuah keluarga dan persekitaran dimana mereka disosialisasikan (White, 1996). Ibu bapa merupakan individu yang berperanan sebagai penjaga, pendidik, pengasuh, pemimpin, penasihat, perawat, kaunselor serta idola yang berfungsi untuk memimpin anak-anak dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sahsiah (Fazilah Kamsah, 1997). Oleh itu, ibu bapa seharusnya peka terhadap perkembangan tingkah laku, emosi serta fizikal anak-anak bagi memastikan mereka bersedia menghadapi perkembangan semasa.

Dalam dunia pendidikan, asuhan ibu bapa amat berkait rapat dengan tingkahlaku yang ditunjukkan oleh anak-anak semasa mereka berada di sekolah dan selalunya tingkah laku yang ditonjolkan oleh kanak-kanak amat berbeza semasa di rumah berbanding di sekolah. Oleh itu, perubahan tingkah laku ini ada kalanya memberikan kesan terutamanya terhadap moral dan juga akhlak mereka. Kita biasa mendengar masalah salah laku seperti masalah disiplin dalam kalangan remaja di sekolah menengah seperti masalah ponteng, vandalisme, merokok, merempit, melepak, terlibat dengan jenayah ragut, curi dan sebagainya. Kita juga biasa melihat atau membaca kajian yang dijalankan oleh penyelidik terutamanya kajian yang melibatkan disiplin remaja sekolah menengah yang banyak dipaparkan dalam jurnal penyelidikan dan juga media cetak serta elektronik.

Menurut statistik Laporan Disiplin 2001, Unit Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan Malaysia, antara tingkah laku jenayah dalam kalangan pelajar ialah seperti berjudi, mencuri, melawan guru, melawan pengawas, memeras ugut, membuli, kongsi gelap, penyalahgunaan dadah, membawa senjata berbahaya, mencabul kehormatan, mencero boh, mengedar dadah, tunjuk perasaan dan bertaruh secara besar-besaran. Kesemua kes ini merupakan statistik 10 tahun ke belakang. Namun begitu, perkembangan arus semasa yang berlaku pasti akan merubah perangkaan kerana pelbagai perkara boleh berlaku. Ini dibuktikan dengan dapatan statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di mana pada tahun 2003 sahaja, bilangan kes juvana yang dilaporkan adalah sebanyak 4998 kes

manakala bagi tahun 2004 pula bilangannya semakin meningkat kepada 6056 kes. Ini menunjukkan bahawa saban tahun pelbagai kes salah laku disiplin berlaku dan meningkat dengan mendadak.

Kita sering memberikan tumpuan kepada masalah disiplin remaja sebaliknya kurang mengambil tahu tentang masalah disiplin kanak-kanak iaitu murid sekolah rendah. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, satu sistem secara dalam talian telah diwujudkan bagi tujuan pelaporan masalah disiplin murid dan juga mengesan ketidakhadiran murid ke sekolah menerusi sistem e-hadir. Kesemua ini merupakan satu instrumen yang membuktikan bahawa masalah disiplin turut berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah. Kesemua item dalam sistem salah laku murid dikategorikan mengikut kesalahan seperti ponteng, peras ugut, merokok, vandalisme, melawan guru, bergaduh, gangguan seksual dan banyak lagi. Kesemua ini menunjukkan bahawa masalah disiplin yang serius juga berlaku di sekolah rendah. Namun begitu, ramai yang tidak sedar bahawa masalah ini sudah mula menular dalam kalangan murid sekolah rendah terutamanya dalam kalangan murid tahun 4, 5 dan 6.

Apa yang membimbangkan ialah, masalah ini memberikan impak yang begitu besar kepada perkembangan kanak-kanak kerana pada awal usia ini, mereka seharusnya belajar membentuk personaliti, jati diri dan melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang mampu menjadi asas kepada masa depan mereka. Ibarat kata pepatah "melentur buluh biarlah dari rebungunya". Namun cabaran pendidikan pada masa kini menyebabkan murid yang lemah jati dirinya akan hanyut di bawa arus semasa dan tanpa bimbingan ibu bapa, maka mereka akan terus hanyut dan akhirnya menjadi beban kepada ibu bapa, masyarakat dan negara.

Anak-anak merupakan anugerah dari Allah S.W.T yang tidak ternilai kepada ibu bapa dan menjadi satu tanggungjawab kepada ibu bapa untuk memberikan kasih sayang dan didikan yang sempurna kepada mereka. Ibu bapa merupakan agen yang mencorakkan masa depan anak-anak kerana mereka ini diibaratkan sebagai kain putih yang tidak mengenal erti apa-apa. Oleh itu bagi memastikan anak-anak membesar dan berkembang menjadi individu yang sempurna dari segi fizikal, akhlak dan emosinya, pelbagai perkara perlu diberikan tumpuan terutamanya yang melibatkan tingkah laku dan juga persekitaran pembelajaran mereka.

Selain itu juga gaya asuhan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk jiwa dan tingkah laku anak-anak. Bagi mencapai matlamat itu, ibu bapa perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta memberikan tumpuan kepada tanggungjawab mereka terhadap anak-anak dengan sepenuhnya. Wong Khek Seng (1996), menyatakan bahawa sikap ibu bapa yang kurang peduli terhadap anak-anak menyebabkan wujudnya masalah sosial dalam kalangan mereka. Oleh itu sebagai ibu bapa yang ideal, gaya asuhan mereka perlulah sesuai dengan anak-anak agar mereka dapat menerima ibu bapa mereka dengan lebih erat dan baik.

Baker (1985), menyatakan bahawa institusi pendidikan terutamanya sekolah pada masa kini telah didatangi unsur negatif seperti gejala sosial, keganasan, kejahatan, dan jenayah. Kesemua unsur ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh pihak pentadbir sekolah kerana ia akan menimbulkan banyak masalah. Mook Soon Sang (2009), telah mengkategorikan masalah disiplin ini kepada empat kategori iaitu, jenayah, kelakuan negatif, ponteng dan juga penipuan. Kesemua kategori ini merupakan perkara yang tidak dapat diterima oleh masyarakat dan sebenarnya berlaku dalam institusi pendidikan kita pada hari ini.

Penglibatan murid sekolah dalam aktiviti ini akan menyebabkan berlakunya kemerosotan dalam bidang pelajaran mereka serta menyebabkan berlakunya sikap malas ke sekolah dan akhirnya mewujudkan budaya ponteng dalam kalangan mereka. Amalan menepati masa menjadi semakin kabur dalam diri mereka menyebabkan timbulnya isu ponteng sekolah serta sikap sambil lewa dalam pelajaran. Menyedari hal ini, ibu bapa perlulah memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan institusi keluarga bagi membentuk sahsiah anak-anak. Ibu bapa sewajarnya memahami, membimbing dan menyelami tindak tanduk anak-anak dalam kehidupan seharian serta berfikiran terbuka dalam mendengar keluhan, cadangan dan luahan hati anak-anak. Melalui cara ini, institusi kekeluargaan yang terbentuk adalah lebih harmonis.

1.3 Penyataan Masalah

Gejala sosial pada masa kini dilihat sebagai satu isu pendidikan yang semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Jika dahulu kita sering disajikan dengan masalah keruntuhan akhlak dan tingkah laku negatif dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah menengah, namun kini, masalah tersebut telah mula menular dalam kalangan murid sekolah rendah terutamanya murid tahun 4,5,6. Walaupun ianya dilihat tidak sehebat masalah dalam kalangan remaja namun perkara ini perlu diberikan perhatian dan diperbaiki dari akar umbi agar tidak melarat dan memberikan impak yang negatif kepada negara.

Lim (2005), menyatakan bahawa apabila sesuatu gejala negatif itu berlaku maka institusi kekeluargaan itu akan dipersalahkan dimana ibu bapa akan dilabelkan sebagai tidak tahu mendidik anak-anak. Menurut Mustafa (1997) dalam kajian beliau mendapati bahawa kebanyakan pelaku kes jenayah juvana mempunyai personaliti yang tidak matang yang diwarisi daripada ibu bapa kerana didikan keluarga yang kurang sempurna.

Dalam pendidikan, tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak terutamanya yang melibatkan masalah disiplin merupakan satu perkara yang perlu ditangani dengan bijak. Kesemua tingkah laku yang ditonjolkan ini merupakan permulaan daripada gaya asuhan ibu bapa dan komponen yang berkaitan dengan ibu bapa dan guru. Pelbagai program telah dirancang untuk memastikan murid dapat berkembang seiring dengan matlamat dan falsafah pendidikan negara yang mahu melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sahsiah (JERIS). Namun begitu, disebalik pelbagai program kesedaran yang dirangka, masalah disiplin dalam kalangan murid ini tetap wujud dan ini menimbulkan persoalan sama ada sistem pendidikan kita ini gagal ataupun gaya asuhan ibu bapa yang tidak sesuai.

Gaya dan corak asuhan serta didikan adalah penting kerana perkembangan kanak-kanak ini berlaku secara berperingkat. Perkembangan ini merupakan kayu ukur bagi menentukan sejauh mana pembentukan peribadi anak-anak apabila semakin meningkat dewasa. Kita sedia tahu bahawa kanak-kanak yang baik akhlakunya, bersopan santun dan berbudi pekerti lahir dari keluarga yang sempurna. Jika kanak-kanak dibesarkan dalam persekitaran yang tidak kondusif dan agresif serta negatif maka kita dapat lihat bahawa tingkah laku kanak-kanak tersebut disalurkan ke arah yang negatif (Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Salleh, 2007).

Selain itu juga, perilaku anak-anak dilihat bermula dari rumah dan persekitaran keluarga membentuk tingkah laku mereka (Hamachek, 1995). Keluarga yang tidak harmoni dan porak- peranda akan menyebabkan anak-anak menjadi tertekan dan mula mencari kedamaian dan kebahagiaan di luar rumah. Akhirnya anak-anak yang tidak diberikan perhatian ini akan mudah terjebak ke dalam kancah jenayah dan salah laku moral. Hal ini akan memberikan kesan yang sangat besar ke atas perkembangan tingkah laku kanak-kanak. Jika diamati secara terperinci, kita pasti dapat melihat kepincangan yang wujud dalam diri kanak-kanak yang kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa. Kepincangan ini membawa

kepada kecelaruan personaliti dan faktor personaliti ini banyak mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Personaliti ini melibatkan lima tingkah laku yang menimbulkan konflik dalaman yang membabitkan institusi kekeluargaan dan juga pendidikan.

Kajian Mustafa (1997), jelas menunjukkan bahawa pelaku jenayah juvana mempunyai pelakuan yang tidak matang yang diwarisi daripada ibu bapa kerana kurang didikan keluarga yang sempurna. Selain itu juga isu kepincangan keluarga menjadi faktor kepada masalah berlakunya jenayah dalam kalangan kanak-kanak (Berita Harian, 2005). Saban hari jika diperhatikan, ramai kanak-kanak yang menjadi pengemis jalanan serta terlibat dalam kejadian curi dan merokok. Kajian Mustafa (1997) juga menunjukkan bahawa kanak-kanak yang kerap melakukan jenayah seumpama ini hadir daripada keluarga yang mempunyai masalah sendiri, tidak mampu berkomunikasi dengan dengan baik dan meletakkan hubungan kemanusiaan yang lemah ekoran tidak cenderung untuk berfikir secara kritikal serta berbincang perkara yang positif dengan anak-anak mereka.

Oleh itu, berdasarkan pernyataan di atas telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini bagi melihat hubungan di antara gaya asuhan ibu bapa dengan masalah disiplin murid sekolah rendah. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti gaya asuhan ibu bapa yang sesuai dengan murid dan hubungannya dengan masalah disiplin murid sekolah rendah. Ini adalah kerana isu disiplin pada masa kini sangat berkait rapat dengan sistem pentadbiran di sekolah serta pelarasan pelbagai program Kementerian Pendidikan seperti Sekolah Penyayang, E-Hadir, Sistem Salah Laku Disiplin dan juga berkait rapat dengan Program Sarana Ibu Bapa dibawah kendalian pengurusan sekolah dan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG).